

## BAHAGIAN X

### PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

#### 94. Takrif

Dalam Bahagian ini, “undang-undang termansuh” ertinya undang-undang yang dimansuhkan di bawah seksyen 95.

#### 95. Kecualian dan Peralihan

Apa-apa tindakan, peninggalan atau perkara yang dilakukan atau akan dijalankan oleh Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan telah dibuat, ditinggalkan atau dijalankan oleh Suruhanjaya dan apa-apa sebutan mengenai Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia dalam mana-mana undang-undang hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Suruhanjaya.

#### 96. Kedudukan pendaftaran dan undang-undang kecil koperasi-koperasi yang didaftarkan di bawah undang-undang termansuh

(1) Sesuatu koperasi yang, sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa, berdaftar atau disifatkan berdaftar di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang termansuh hendaklah disifatkan telah didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), koperasi-koperasi yang didaftarkan atau disifatkan didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang termansuh hendaklah, tidak lewat daripada dua tahun selepas Akta ini mula berkuatkuasa, meminda undang-undang kecilnya untuk menjadikannya selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai bagi mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang termansuh yang di bawahnya orang-orang individu serta juga koperasi-koperasi, atau yang di bawahnya koperasi-koperasi yang berlainan jenis, boleh menjadi anggota koperasi itu atau yang memperuntukkan bahawa koperasi itu ialah koperasi dengan liabiliti tak terhad, jika undang-undang kecil itu tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan undang-undang termansuh yang di bawahnya undang-undang kecil itu di buat.